



اونيورسيتي مليسيا قهغ
UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG

Polisi Kandungan Digital Universiti Universiti Malaysia Pahang 2021 Versi 1.0

1.0 PENGENALAN

Polisi Kandungan Digital Universiti disediakan bagi menyediakan prinsip utama dan hala tuju pelaksanaan pendigitalan kandungan Universiti di Universiti Malaysia Pahang (UMP).

2.0 OBJEKTIF

Objektif Polisi Kandungan Digital Universiti adalah :

- 2.1. Pemantapan tadbir urus kandungan digital universiti.
- 2.2. Memelihara kandungan universiti bagi mengurangkan risiko kerosakan dan kehilangan.
- 2.3. Menyediakan kawalan dari segi penyimpanan, penyebaran dan penggunaan.
- 2.4. Memperkasa sistem penyampaian kandungan digital yang kreatif dan berinovasi kepada pemegang taruh dan masyarakat setempat.

3.0 SKOP

Polisi ini digunapakai di Universiti Malaysia Pahang dan hanya merangkumi perkara berkaitan kandungan Universiti. Ia meliputi perkara berikut :

3.1 Bahan bercetak ke format digital

Format kandungan bercetak yang dikenalpasti dihasilkan oleh Universiti ke format digital untuk sebaran bagi tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran. Bahan termasuklah buku, risalah, manuskrip, artikel, laporan, ucapan/syarahan, dokumen berkaitan pengajaran dan pembelajaran, dokumen mesyuarat, foto, sijil, pelan dan bahan *loose/leaf* (poster, brosur).

3.2 Bahan *born digital*

Bahan yang dicipta sebagai *born digital* iaitu bahan tersedia dalam bentuk digital dalam format video, audio dan boleh di akses dalam talian. Bahan termasuk rakaman Youtube, dokumen digital, rakaman audio dan video.

3.3 Pengaksesan kandungan

Kawalan pada pengaksesan kandungan digital. Pengaksesan adalah melalui platform berikut:

3.3.1. Kawalan pengaksesan melalui *Content Management System* (CMS) dan sistem digital lain.

3.3.2. Kawalan kandungan dilaksanakan pada laman sesawang, portal dan blog.

4.0 PERNYATAAN POLISI

Polisi ini dirangka untuk memberi panduan dan hala tuju pendigitalan, pengaksesan, penggunaan dan penyebaran di kalangan warga universiti, pemegang taruh dan pengguna digital.

4.1 Kemudahan kandungan digital UMP disediakan untuk tujuan pengajaran, pembelajaran, penyelidikan, perundingan dan pentadbiran UMP.

4.2 Capaian kandungan digital disediakan kepada warga universiti, pemegang taruh dan pengguna digital. UMP berhak menghad, menyekat atau memperluaskan capaian kemudahan kandungan digital.

4.3 Kemudahan akses kepada kandungan digital UMP tidak boleh digunakan untuk tujuan perniagaan atau yang tidak berkaitan dengan aktiviti UMP tanpa kebenaran bertulis dari UMP.

5.0 DEFINISI

5.1 Pendigitalan

Pendigitalan adalah satu proses untuk menukarkan format kandungan maklumat dalam bentuk bercetak ke-bentuk digital agar dapat disimpan, dicapai dan disebarkan secara elektronik.

5.2 Kandungan Universiti

Kandungan Universiti terdiri dari bahan bercetak seperti buku, dokumen mesyuarat, manuskrip, taipskrip, buletin, gambar dan bahan pengajaran yang diterbitkan oleh Pusat Tanggung Jawab (PTJ) di Universiti Malaysia Pahang.

5.3 Kandungan digital

Kandungan digital merupakan bahan yang boleh dibaca oleh mesin (komputer) untuk tujuan pemeliharaan dan capaian secara elektronik.

5.4 *Born Digital*

Bahan tersedia dalam bentuk digital.

5.5 Pencipta

Bermaksud orang yang bertanggungjawab mewujudkan karya seperti penulis, jurufoto dan mereka yang bertanggungjawab terhadap pemilihan kandungan.

5.6 Pemilik Hakcipta

Universiti Malaysia Pahang

5.7 Pengguna Digital

Pengguna yang mengakses dan menggunakan kandungan digital secara dalam talian dan luar talian (*offline*).

5.8 Lesen *Creative Commons* (cc)

Lesen-lesen hak cipta awam yang dikeluarkan oleh pertubuhan bukan untung yang bertujuan untuk meluaskan penerbitan jenis karya yang boleh digunakan semula dan dikongsi oleh orang lain. Lesen-lesen ini membolehkan pengarang/pencipta membenarkan karyanya disalin dan diedarkan semula kepada orang lain, namun sebahagian daripada hak-haknya dipelihara.

6.0 AKTA, DASAR DAN PROSEDUR BERKAITAN

Polisi ini hendaklah dibaca bersama :

- 6.1 Akta Hakcipta 1987
- 6.2 Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 Akta 605
- 6.3 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971
- 6.4 Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984
- 6.5 Dasar Keselamatan ICT Universiti Malaysia Pahang versi 2.3
- 6.6 Dasar Harta Intelek Universiti Malaysia Pahang
- 6.7 Dasar Penerbitan Artikel Dalam Jurnal Universiti Malaysia Pahang
- 6.8 Dasar Pengkomersialan Universiti Malaysia Pahang
- 6.9 Kaedah-Kaedah Universiti Malaysia Pahang (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009
- 6.10 Dasar Pendigitalan Koleksi Perpustakaan, 2010, Perpustakaan Negara Malaysia
- 6.11 Prosedur Pendigitalan Bahan Arkib 2012, Arkib Negara Malaysia
- 6.12 Lesen Creative Commons

7.0 PRINSIP – PRINSIP

Prinsip pendigitalan perlu menggunakan piawaian dan amalan kebangsaan dan antarabangsa bagi proses imbasan digital, metadata, penyimpanan, pemeliharaan dan capaian.

- 7.1 Pusat Tanggung Jawab (PTJ) berkenaan perlu menentukan had capaian kepada dokumen-dokumen yang diklasifikasikan sebagai TERBUKA, TERHAD atau SULIT dan menyediakan mekanisme capaiannya.

- 7.2 Perpustakaan menyediakan capaian kepada kandungan digital tanpa mentafsir kandungannya.

Perkongsian Kandungan Digital

- 7.3 Kandungan digital yang disimpan dalam rangkaian komputer Universiti, atau dalam apa-apa media storan digital milik Universiti, boleh dikongsi dikalangan warga universiti, pemegang taruh dan pengguna digital tertakluk kepada Dasar Keselamatan ICT UMP dan apa-apa peruntukan kerahsiaan maklumat universiti.
- 7.4 Tahap pengaksesan kandungan digital bergantung kepada klasifikasi dokumen/kandungan (rujuk perkara 7.1).
- 7.5 Mana-mana staf atau pelajar yang melanggar peruntukan ini adalah melakukan suatu perbuatan pelanggaran tatatertib dan boleh diambil tindakan mengikut prosedur tatatertib.

Isi Kandungan

- 7.6 Kandungan digital **TIDAK MENGANDUNGI** perkara yang berikut :
- 7.6.1 Memaparkan isu sensitif seperti isu agama, politik dan perkauman.
- 7.6.2 Menyebarkan perkara yang tidak ada kaitan dengan perkhidmatan yang ditawarkan oleh universiti.
- 7.6.3 Memaparkan kenyataan yang boleh menjejaskan imej universiti.

Pengurusan Hak Digital (*Digital Right Management*)

- 7.7 Pendigitalan bahan-bahan hendaklah mengambilkira peraturan dan sekatan yang termaktub dalam Akta Hak Cipta 1987.
- 7.8 Penggunaan dan penghasilan semula kandungan Universiti perlu bersesuaian dengan dasar-dasar Universiti. Penggunaan dan penghasilan semula tanpa kebenaran merupakan satu pelanggaran di bawah Akta Hak Cipta 1987.
- 7.9 Penggunaan mana-mana karya atau dokumen bagi tujuan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan, perundingan dan penyebaran adalah dibenarkan dengan syarat-syarat yang termaktub dalam Lesen Creative Commons.

8.0 HAKCIPTA / PEMILIKAN BAHAN DIGITAL

- 8.1 Bahan pembelajaran dan pengajaran (P&P) yang dibangunkan menggunakan kemudahan dan sokongan yang disediakan oleh UMP adalah hak milik UMP.
- 8.2 Pensyarah boleh pada bila-bila masa menggunakan bahan pengajaran tersebut dalam sebarang aktiviti akademik, kegunaan peribadi dan bukan komersial. Ianya

bagaimanapun tidak boleh digunakan di institusi lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada UMP.

- 8.3 Perpustakaan berhak mendigitalkan bahan bercetak yang dihasilkan oleh UMP dan warganya.
- 8.4 Semua aspek mengenai bahan yang dimiliki oleh UMP yang di digitalkan termasuk kandungan, maklumat, teks, imej, grafik, aplikasi, fail suara, fail video, susunan struktur, kod sumber serta semua aspek yang lain adalah hak cipta Universiti Malaysia Pahang kecuali dinyatakan sebaliknya.
- 8.5 Tidak ada mana-mana bahagian dalam kandungan digital akan diubah, disalin, diedar, dihantar semula, disiarkan, dipamer, dihasilkan semula, diterbitkan, dipindah, dijual atau diperdagang dengan apa cara sekalipun tanpa mendapat kebenaran secara bertulis terlebih dahulu dari Universiti Malaysia Pahang.
- 8.6 Hakcipta tesis/projek sarjana muda (PSM) adalah milik UMP. Salinan boleh dimuat turun untuk kegunaan penyelidikan bukan komersial ataupun pembelajaran individu tanpa kebenaran terlebih dahulu dari UMP. Perpustakaan dibenarkan mengubah format tesis dari bercetak ke digital atau format lain tanpa kebenaran pengarang.

9.0 PENGEMASKINIAN POLISI

Kajian semula polisi ini akan dilakukan berdasarkan keperluan semasa.

10.0 TARIKH KUAT KUASA

Polisi ini berkuat kuasa pada 2021.